



la yang duduk di atas takhta itu berkata: "Lihatlah, Aku menjadikan segala sesuatu baru! Wahyu 21:5

Saudara-saudari dalam Kristus,

Alexander Solzhenitsyn, merupakan novelis Rusia yang terkenal, memberitahu kepada kita bahawa "a people that no longer remembers has lost its history and its soul." Gereja kita mempunyai sejarah sangat lama untuk diingati dan dihargai. Kita akan menyambut Ulang Tahun Gereja Holy Family yang Ke-125. Kami dapat menjejak permulaan rasmi kita dari tarikh dedikasi bangunan gereja pertama pada tarikh 24 Februari 1901. Meskipun tidak ada diantara anda yang menyaksikan kejadian tersebut, namun sebahagian besar dari anda mempunyai banyak kenangan indah mengenai paroki ini. Kami berharap aktiviti-aktiviti yang bakal dilakukan dalam empat tahun seterusnya akan dapat membantu kita untuk mengingat, melihat, dan bersukacita ke atas berkat yang kita terima dari Tuhan sebagai sebuah komuniti.

Tetapi terdapat juga hal lain yang harus dilakukan selain melihat ke masa lalu dan memberi tumpuan pada masa kini. Sebanyak mana yang kita perlu untuk melihat ke belakang, memulihkan dan merayakan sejarah kita, ini juga merupakan waktu untuk pembaruan. Sebagai Gereja, kita selalu dipanggil untuk bertumbuh, berubah, memperdalam, bertobat, insaf, membangun, dan belajar dari kejayaan dan kegagalan kita dalam mengejar kekudusan dan kesetiaan kepada Tuhan kita Yesus Kristus dan misi yang telah Dia berikan kepada kita.

Dengan ini, kami ingin mengumumkan lima-tahun pelan pembaharuan pastoral yang akan bermula pada 01 Januari 2023, Hari Raya Santa Perawan Maria.

Kami mengongsikan visi ini kepada anda dengan semangat sinodalitas. Visi ini akan menekankan empat bahagian untuk potensi pembangunan dalam paroki kita, yang merupakan respon kepada empat bahagian kebimbangan yang dikenalpasti dalam paroki kita proses sinodal, iaitu: belia, pembentukan, komunikasi dan penginjilan. Kami ingin mendekati proses pembaharuan ini dengan memberi tumpuan kepada empat bahagian pertumbuhan: kehidupan kerohanian dan berdoa, pemahaman dan menghidupi iman kita, pengalaman komuniti kita dan misi untuk menginjil.

1. Memperbaharui Roh

"Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat." (Yehezkiel 36:26)

Pekerjaan Roh Kudus adalah inti dari pembaharuan Gereja. Semua program, struktur, dan inisiatif tidak akan membuahkan hasil jika tidak dengan bertaubat dan pendalaman iman. Itulah sebabnya harus ada dua cabang pendekatan dalam inisiatif untuk membawa pembaharuan spiritual paroki kita.

Pertama, kita perlu memupuk kehidupan berdoa untuk individu dan komuniti melalui devosi, berdoa Jam Liturgi, rekoleksi, retreat, Parish Renewal Experiences (PRE), Seminar Hidup dalam Roh.



Kedua, kita harus memperbaharui rasa hormat, kasih, penyembahan dan pengabdian kita kepada Sakramen Mahakudus, di dalam dan di luar Misa, kerana Ekaristi adalah “Sumber dan Kemuncak” kehidupan Kristian. Kita harus memupuk dan memulihkan rasa sakral, di mana hanya Tuhan yang dimuliakan dan manusia dikuduskan.

2. Memperbaharui Iman

“Rasul-rasul itu berkata kepada Tuhan: “Tambahkanlah iman kami!” (Lukas 17:5).

Hubungan kita dengan Tuhan adalah pusat dan tujuan iman yang mutlak. Tetapi bagaimana kita boleh berada dalam hubungan dengan Tuhan jika kita tidak mengenali-Nya? Kita mesti dikatekisasi atau dikatekisasi semula. Katekese tidak berakhir dengan Sekolah Minggu. Atas sebab ini, paroki berharap untuk mengukuhkan Ministri Katekatikal kita dengan latihan katekis yang sistematik serta menubuhkan dan mengukuhkan pelayanan pembinaan yang boleh menawarkan lebih banyak program katekatikal untuk orang muda maupun dewasa, dan terutamanya untuk para pemimpin kita.

3. Memperbaharui Komuniti

“Berusahalah untuk memelihara kesatuan Roh melalui ikatan damai sejahtera” (Efesus 4:3).

Perpaduan memberikan kita landasan untuk misi seperti yang dinyatakan oleh Tertullian: “biarlah orang berkata tentang kita: ‘lihat bagaimana mereka saling mengasihi.’” Sebaliknya, perpecahan menyebabkan orang menjauhkan diri dan membuat ramai orang menjauh dari Gereja. Kita harus mengakui bahawa paroki kita adalah sebuah keluarga berbilang budaya yang terdiri daripada kumpulan bahasa yang berbeza, orang yang berlainan bangsa, orang tua dan muda, ahli lama dan baru serta pelbagai BEC dan pelayanan. Kepelbagaian kita harus diraikan, bukan dibenci. Sinodaliti menuntut kita melakukan perjalanan bersama dan bukannya setiap individu atau kumpulan mengambil jalan mereka sendiri.

4. Memperbaharui semangat kita untuk Misi

“Janganlah biarkan kerajinanmu berkurangan; hendaklah semangat rohanimu berkobar-kobar” (Roma 12:11)

“Penginjilan sebenarnya adalah rahmat dan panggilan yang sesuai untuk Gereja, identitinya yang paling dalam. Ia wujud untuk menginjil, iaitu, untuk berkhotbah dan mengajar, untuk menjadi saluran pemberian anugerah, untuk mendamaikan orang berdosa dengan Tuhan, dan untuk mengekalkan pengorbanan Kristus dalam Misa.” [Evangelii Nuntiandi #14] Berkongsi iman kita adalah kewajiban intrinsik dari kasih amal. Sektor tertentu dalam paroki kita memerlukan penginjilan dan jangkauan baharu - belia, pelajar kampus, BEC, migran, umat terlantar di rumah dan keluarga. Atas sebab ini, pembentukan dan cara komunikasi sosial kita tidak seharusnya hanya tertumpu pada penghantaran maklumat tetapi harus membantu kita mendapatkan kembali kepercayaan kita pada kuasa Firman Tuhan untuk mengubah hidup dan menyentuh hati.



Saudara dan saudari terkasih dalam Kristus, untuk melihat perlunya pembaharuan, untuk berkomitmen pada karya pembaharuan, untuk mengadakan pembaharuan paroki kita dan dunia, kita harus dengan rendah hati mengakui ketidaksempurnaan kita, kekurangan kita, cacat cela kita dan kelemahan kita, dan keperluan kita untuk penyesalan dan pertobatan. Kita tidak boleh mula mengubah dunia untuk Kristus, melainkan kita membenarkan Kristus mengubah hati kita dan menyesuaikan dengan kehendak-Nya dan Bapa.

Penghiburan kita ialah mengetahui bahawa kita semua "sedang dalam proses," bukan "produk siap". Apa yang kita tabur sekarang, akan dituai orang lain. Marilah kita memohon kepada Tuhan untuk menyokong kita semasa kita membangun dan menumbuhkan paroki ini menuju Dia dan untuk meningkatkan iman kita semasa kita bekerja. Seperti Santo Paulus, kita dapat "yakin akan hal ini, bahawa Dia yang memulai pekerjaan yang baik di dalam dirimu akan meneruskannya sampai pada akhirnya, pada hari Kristus Yesus." (Flp 1:6)

Kami mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Tahun Baru kepada anda semua!

Gembala-gembala-Mu yang penuh kasih,

Reverend Fr Michael Chua
Reverend Fr Philip Chua
Reverend Fr Bonaventure Rayappan

Hari Raya Keluarga Kudus
30hb Disember 2022